

Headline	LJK tingkatkan sosio-ekonomi penduduk luar bandar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	540 cm ²	Journalist	MUHAMAD AIMY
PR Value	RM 32,018		



LJK tingkatkan sosio-ekonomi penduduk luar bandar

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
 pengarang @utusan.com.my

■ MUAR 16 FEB.

PEMASANGAN 333,781 unit Lampu Jalan Kampung (LJK) di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar menyaksikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya merealisasikan hasrat kerajaan untuk menyediakan bekalan elektrik mencukupi dan terjamin kepada rakyat.

Projek popular dan dinantikan masyarakat luar bandar itu kini memasuki fasa 8 yang turut melibatkan pemasangan sebanyak 13,582 unit LJK di 1,566 kampung di seluruh negeri Johor dengan kos RM8.33 juta.

Peranan yang dimainkan TNB selaku agensi pelaksana di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) itu bukan sahaja mencerahkan kawasan yang gelap tetapi turut menceria dan memeriahkan kawasan kampung.

Nikmat projek LJK yang mula dilaksanakan kerajaan sejak tahun 2003 turut dirasai kira-kira 60,000 penduduk di kawasan Parlimen Muar, di sini apabila kampung mereka antara yang tidak ketinggalan menerima manfaat itu.

Sebanyak 183 unit lampu jalan siap dipasang di 16 buah kampung terpilih bermula 5 Ogos



NAJIB TUN RAZAK melancarkan gimbik penyerahan lampu jalan dalam program Pemimpin Bersama Rakyat dan Majlis Penyerahan Lampu Jalan di Padang Awam Bukit Mor, kelmarin. Turut hadir Datin Seri Rosmah Mansor, Ismail Sabri Yaacob (dua, kanan), Azman Mohd. (kanan), Mohamed Khaled Nordin (dua, kiri), Ahli Parlimen Muar, Datuk Seri Razali Ibrahim (kiri). - BERNAMA

hingga akhir tahun lalu.

Lebih manis buat penduduk Muar, simbolik penyerahan LJK berkenaan pada 9 Februari lalu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempena Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Awam Bukit Mor, Parit Jawa.

Perasmian itu turut dihadiri Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob; Menteri Besar, Da-

tuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd.

Bagi negeri Johor, sebanyak 13,582 unit LJK yang dipasang dan 486 unit daripadanya merupakan jenis Light Emitting Diode (LED), manakala bakinya adalah jenis High Pressure Sodium Vapour (HPSV).


Sasaran tumpuan atau lokasi pemasangan LJK jenis LED di-

khususkan di kawasan strategik umum dan simpang-simpang utama jalan yang diyakini mampu mengurangkan kadar kemalangan dan mencegah kegiatan jenayah daripada berleluasa.

Malah, ramai tidak mengetahui pemasangan lampu jenis LED berkenaan sebenarnya merupakan idea Perdana Menteri yang turut mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta daripada kerajaan dan RM50 juta lagi oleh TNB bagi membantu projek LJK seterusnya melibatkan 50,000 lampu.

Kerajaan juga memerlukan sehingga RM70 juta untuk menyelenggara dan membayar bil LJK setiap tahun yang membuktikan keprihatinan dan komitmen berturusan kerajaan terhadap kemudahan penduduk di luar bandar.

Selain menerangi kawasan yang gelap, projek pemasangan LJK itu juga secara tidak langsung dapat meningkatkan sosio-ekonomi penduduk setempat serta diyakini mampu memperkasakan aktiviti modal insan masyarakat luar bandar.



SALAH satu jalan kampung yang telah mempunyai lampu jalan melalui Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) yang telah lengkap sepenuhnya di negeri Johor.